

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : MEMPERLUASKAN FIBER OPTIK UNTUK KEMUDAHAN INTERNET**

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Kerajaan Negeri akan memperluaskan fiber optik ke seluruh negeri supaya rakyat Selangor mendapat kemudahan internet yang lebih menyeluruh pada kadar lebih berpatutan?

**JAWAPAN:**

- a) SMARTSEL Sdn Bhd, iaitu anak syarikat milik penuh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) telah ditubuhkan pada bulan Mac tahun 2017 untuk membangunkan infrastruktur digital dan telekomunikasi dengan lebih seimbang dan merapatkan kesenjangan digital di antara penduduk di luar bandar dan bandar.

SMARTSEL juga sedang berinteraksi dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) berkenaan polisi dan perancangan terperinci daripada pihak Kerajaan Pusat yang sedang menyiapkan "*National Fiberisation and Connectivity Plan - NFCP*" dalam masa terdekat. Ini akan membolehkan SMARTSEL membangunkan rangkaian gentian optik telekomunikasi dengan lebih tersusun dan sejajar dengan hala tuju Kerajaan Malaysia. Interaksi dengan SKMM ini dilaksanakan agar Kerajaan Negeri Selangor juga boleh menggunakan dana "*Universal Service Provision - USP*" untuk pembangunan infrastruktur digital di kawasan luar bandar yang kekurangan capaian perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi.

Di samping itu, SMARTSEL juga sedang berbincang dengan pengendali dan pembekal perkhidmatan swasta (*service provider - SP*) sedia ada untuk bekerjasama bagi menyediakan kemudahan jalur lebar di seluruh kawasan di negeri Selangor. Inisiatif ini selaras dengan misi kerajaan Pusat melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar dengan harga yang berpatutan. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor sedang melaksanakan kajian bagi mengenal pasti penyelesaian untuk membina infrastruktur digital khususnya rangkaian data melalui projek "*Selangor Wide Area Network – SWAN*". SWAN ini bertujuan untuk menyambungkan semua agensi-agensi Kerajaan Negeri Selangor, Pejabat Daerah & Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan dengan rangkaian data dan Internet berkelajuan tinggi termasuk menggunakan teknologi gentian optik telekomunikasi, dan seterusnya

melebarkan kemudahan projek dan jalur lebar. Buat masa ini, Projek SWAN masih di tahap kaji selidik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PENINGKATAN PENGHAYATAN ISLAM DALAM PENTADBIRAN  
NEGERI SELANGOR**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan mekanisma yang akan digunakan untuk meningkatkan penghayatan Islam dalam masyarakat Islam sama ada menjadikan Islam sebagai dasar pentadbiran ataupun KPI Islam dalam semua institusi Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi meningkatkan penghayatan Islam dalam masyarakat di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri bersetuju dengan dasar Kerajaan Pusat yang menjadikan **konsep Maqasid Syariah** sebagai asas pentadbiran negeri. Maqasid Syariah yang merangkumi 5 prinsip tadbir urus pentadbiran kerajaan iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui agensi-agensi agama telah menyediakan pelan strategik & KPI pada setiap tahun yang merangkumi program **pembangunan sosioekonomi, akidah, dakwah, pendidikan dan penyelidikan**. Penilaian prestasi dan pencapaian plan strategik serta KPI dilakukan pada setiap hujung tahun bagi mengenalpasti kelemahan dan kekurangan dengan tujuan penambahbaikan.

Pelbagai mekanisma telah dan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor untuk meningkatkan penghayatan Islam antaranya:-

1. Melaksanakan program-program penerangan dan hebahan fatwa secara menyeluruh antaranya menerusi Program Bicara Fatwa, Mesra Ummah Bersama Jabatan Mufti, hebahan fatwa melalui SMS, akhbar, *billboard* dan laman web.
2. Mewujud dan menerbitkan Garis Panduan antaranya:-
  - i. Etika Berpakaian Bagi Orang Islam di Premis Kerajaan
  - ii. Majlis Perkahwinan
  - iii. Amalan Tariqat
  - iv. Solat Jemaah Di Tanah Lapang & Masjid 2 Tingkat
  - v. Menyambut Kelahiran Anak

- vi. Menyambut Aiditfitri & Aidiladha
- vii. Penggunaan Mesin Basuh

3. Menerbit, mencetak dan menterjemahkan kitab antaranya:-

- i. Buku Aqidah Tohawiyah
- ii. Buku Himpunan Fatwa
- iii. Buku Warta Kerajaan Syariah dan Sosial
- iv. Buku Warta Kerajaan Ajaran Sesat
- v. Buku 10 Asas Aqidah Karya Imam Al Ghazali
- vi. Buku 10 Asas Ibadah Karya Imam Al Ghazali
- vii. Buku 10 Asas Penyucian Hati Karya Imam Al Ghazali (Mazmumah)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : BENTUK MODEL HUBUNGAN MASYARAKAT**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah bentuk atau model hubungan masyarakat Selangor yang diidamkan oleh Kerajaan Selangor untuk memperkukuhkan hubungan semua kaum serta pelan tindakannya?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PROSEDUR PENYAMPAIAN MAKLUMAT YANG TEPAT**

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada kaedah *standard prosedur* yang seharusnya diwujudkan untuk meningkatkan kecekapan penyampaian maklumat sekiranya terjadi kes-kes keselamatan dalam komuniti setempat contohnya seperti kes ragut, kecurian, rompakan, penculikan dan sebagainya?

**JAWAPAN:**

- a) Polis DiRaja Malaysia (PDRM) mempunyai kaedah yang telah diwujudkan dalam peningkatan kecekapan penyampaian maklumat sekiranya terjadi kes-kes keselamatan dalam komuniti setempat contohnya kes ragut, kecurian, rompakan, penculikan dan sebagainya.

*Volunteer Smartphone Patrol (VSP)* merupakan salah satu inisiatif PDRM dalam mewujudkan kolaborasi dan kerjasama strategik mencegah jenayah bersama masyarakat tempatan sebagai mata dan telinga pihak polis.

Masyarakat boleh melaporkan jenayah melalui talian *hotline* PDRM dan perkhidmatan sistem pesanan ringkas (SMS) melalui VSP, masyarakat kini boleh menyalurkan aduan/ maklumat yang dilengkapi dengan elemen multimedia seperti gambar, video dan koordinat GPS lokasi kejadian.

VSP ini juga adalah salah satu daripada program di bawah *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* dan PDRM telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia sebagai agensi pelaksana program ini manakala Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJJK) pula dilantik sebagai *Initiative Owner*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : BENTUK PENDIDIKAN DALAM MEMBINA GENERASI MADANI**

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah bentuk pendidikan dan perancangan Kerajaan Negeri khususnya pihak JAIS bagi membina generasi madani?

**JAWAPAN:**

- a) Generasi madani dalam proses pendidikan yang dilaksanakan di JAIS melalui pelaksanaan *Integrated Holistic Education System* (IHES).
- i. IHES ialah satu sistem pendidikan integrasi dan holistik menggabungkan elemen sumber manusia, kurikulum dan prasarana/ media.
  - ii. Tiga elemen ini digabungkan di bawah satu falsafah, visi, misi dan objektif pendidikan.
  - iii. Melalui sistem ini JAIS memilih guru-guru yang berkelayakan yang memenuhi ciri-ciri guru murabbi, kurikulum kebangsaan dan negeri diintegrasikan berteraskan Al-quran dan As-sunnah.
  - iv. Kemenjadian murid dengan ciri generasi madani diproses secara holistik melalui kepelbagaian pendekatan.
  - v. Fokus kepada proses ini ialah akal, jiwa, hati, roh dan jasad. satu kurikulum berasaskan fokus ini dibangunkan dalam bentuk *lesson plan*, sukatan, bpmg, buku teks dan penilaian/ pentaksiran.
  - vi. Murid ditaksir melalui pencapaian akademik dan sahsiah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : MENANGANI ISU RUMAH IBADAT**

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri dalam menangani isu rumah ibadat bukan Islam yang terletak di kawasan yang tidak selamat dan mengganggu keselamatan orang awam seperti kedudukan di bahu jalan, di tepi jalan dan adakah semua rumah ibadat tersebut berdaftar?

**JAWAPAN:**

- a) Rumah ibadat selain Islam yang terletak di kawasan tidak selamat seperti di bahu jalan dan tepi jalan merupakan rumah ibadat yang tiada kelulusan pelan pembangunan dan tidak berdaftar kerana tapak tersebut tidak diperuntukkan sebagai rezab bagi tujuan rumah ibadat selain Islam. Sebarang pembinaan struktur yang tidak selaras dengan guna tanah yang ditetapkan, adalah dianggap tidak selaras dengan gunatanah yang diwartakan mengikut Rancangan Tempatan. Perletakan struktur rumah ibadat yang tidak mematuhi Garis Panduan Kemudahan Keagamaan bagi rumah ibadat selain Islam juga dapat dilihat dari aspek rekabentuk struktur serta gunatanah persekitaran.

Dalam pada itu, sebarang rumah ibadat selain Islam yang telah dibina sebelum tahun 2008 diberi pertimbangan untuk dikekalkan tertakluk kepada tatacara pihak berkuasa atau dipindahkan ke kawasan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Pemilik atau pihak pengurusan struktur hendaklah menyelesaikan isu tanah serta mendapatkan kelulusan struktur berkenaan sebelum rumah ibadat tersebut dapat didaftarkan. Rumah ibadat yang tidak mematuhi aspek gunatanah, tidak mendapat kelulusan struktur serta menimbul kacauganggu disyorkan untuk tindakan penguatkuasaan mengikut peruntukan undang-undang bagi setiap kesalahan yang dilakukan.

Kertas pertimbangan bagi tindakan perobohan / penguatkuasaan juga akan diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam sebelum diputuskan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Sebarang tindakan perobohan / penguatkuasaan akan menggunakan Garis Panduan Tatacara Penguatkuasaan ke Atas Rumah Ibadat Selain Islam dan Tempat Penyembahan di Bina Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor yang telah berkuatkuasa mulai 1 Februari 2014.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PENDEKATAN MENINGKATKAN BUDAYA MEMBACA**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan yang sedang dan dirancang oleh pihak Kerajaan Negeri untuk meningkatkan budaya membaca dan sejauh mana peruntukan diberikan kepada institusi perpustakaan untuk menggiatkannya?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi merealisasikan hasrat Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dr. Maszlee Malik, ke arah Dekad Membaca Kebangsaan #MalaysiaMembaca, Kerajaan Negeri Selangor telah melancarkan **#SelangorMembaca** pada 2 Mac 2019, di Pesta Buku Selangor baru-baru ini.

**#SelangorMembaca** akan diperkasakan dengan:

- (a) Program Jom Baca Bersama 10 Minit (yang telah dimulakan inisiatifnya sejak tahun 2010 oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor)  
(b) Program-program perkongsian ilmu, dan  
(c) Pertandingan "Baca, Ulas, Kongsi."

Program-program #SelangorMembaca akan dilaksanakan secara usaha sama oleh Jawatankuasa Pendidikan Negeri dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, bersama agensi dan jabatan kerajaan.

Alhamdulillah, di bawah **Agenda Pencerahan Selangor**, Kerajaan Negeri Selangor telah pun memulakan **inisiatif terjemahan karya agung antarabangsa** sejak tahun 2015, dan seterusnya menjayakan **usaha mengaudiokan buku-buku terjemahan ini dan karya agung** lain.

Sehingga kini, sebanyak 29 judul buku karya agung telah diterjemahkan, dan sebanyak 37 buku karya agung dan buku terjemahan telah diaudiokan.

Jumlah peruntukan terkumpul bagi Agenda Pencerahan Selangor dari tahun 2015 hingga 2017, masing-masing berjumlah **RM2.8 juta** untuk inisiatif terjemahan karya agung, dan sebanyak **RM2.85 juta** untuk inisiatif buku audio karya agung.

Di samping itu, melalui Jawatankuasa Pendidikan Negeri Selangor, sebanyak **RM150,000.00** disalurkan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

bagi pelaksanaan Pesta Buku Selangor dan Gerakan Membaca di daerah-daerah seluruh negeri.

Selain itu, sebanyak **RM150,000.00** daripada bajet pengurusan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, diperuntukkan bagi pelaksanaan program-program meningkatkan budaya membaca di seluruh negeri dan di peringkat kebangsaan.

Bagi tahun 2019, di antara program yang telah dijalankan dan dirancang oleh PPAS ialah seperti berikut:

Bil	Program Dan Aktiviti	Tarikh
1	Seminar Skor A: Ke Arah Membina Kecemerlangan Pelajar Kolaborasi bersama SMK TTDI Jaya, Shah Alam	28- 30 Jan 2019
2	Pesta Buku Selangor 2019	28 Feb –10 Mac 2019
3	Mini Karnival Pendidikan Peringkat Negeri Selangor di 10 daerah	Mac – Jul 2019
4	Jom Baca untuk 10 Minit / Lets Read Together for 10 minutes	23 April 2019
5	# World Quran Hour: <i>Misi Al Kahfi</i>	30 Mei 2019
6	Majlis Tilawah Al-Quran Braille 2019	1 Jun 2019
7	Festival Buku Dan Kanak-Kanak (FESBUK) 2018.	5 – 7 Julai 2019
8	Memori Kemerdekaan	16 Ogos 2019
9	#Merdeka Quran Hour	30 Ogos 2019
10	Literasi Maklumat bersama Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Selangor (BTPNSEL) sempena Anugerah NILAM Negeri Selangor	27 Ogos 2019
11	Bulan Bahasa Kebangsaan	26 Oktober 2019
12	Karnival Pendidikan	8 -10 November 2019

Di samping program-program ini, Kerajaan Negeri mengalu-alukan semua agensi kerajaan bekerjasama dengan PPAS agar dapat meningkatkan lagi budaya membaca di kalangan masyarakat, melalui program/ aktiviti galakan membaca yang lebih kreatif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : MEWUJUDKAN MESIN BAYAR ZAKAT (BERAS)**

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dengan kutipan zakat oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) berjumlah ratusan juta ringgit setiap tahun, bolehkah LZS mewujudkan mesin bayar zakat (beras) di masjid As Salam dan Masjid Saidina Ali sepertimana MAIWP lakukan di Masjid Al Ikram, Datuk Keramat, Kuala Lumpur?

**JAWAPAN:**

- a) Secara umumnya, pada masa ini LZS mempunyai dua kaedah pengagihan makanan bulanan kepada asnaf Fakir dan Miskin yang berdaftar di LZS iaitu melalui:
- i. Penghantaran terus ke rumah/ lokasi asnaf fakir dan miskin melalui syarikat pembekal iaitu TERAS Sdn. Bhd yang merupakan anak syarikat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).
  - ii. Perkhidmatan secara tebusan menggunakan MyKad bagi penerima bantuan makanan bulanan di pasaraya terpilih seperti Giant, The Store, Mydin dan sebagainya.

Oleh yang demikian, buat masa ini **tiada keperluan untuk mewujudkan mesin ATM beras**. Namun pihak LZS akan mempertimbangkan cadangan keperluan tersebut pada masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : MENGAWAL TANAH REZAB MELAYU**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengawal 'tanah rezab melayu' supaya tidak dimanipulasikan oleh pihak luar untuk mengejar keuntungan hasil penjualan tanah?

**JAWAPAN:**

- a) Pengenalan

Untuk makluman Yang Berhormat, pengurusan Tanah Rizab Melayu yang telah diwartakan adalah tertakluk kepada Enakmen Rizab Melayu Bab 142 (ERM 1933). Terdapat dua (2) kategori Tanah Rizab Melayu iaitu Tanah Rizab Melayu pegangan Melayu dan Tanah Rizab Melayu bukan pegangan Melayu. Bagi Tanah Rizab Melayu pegangan Melayu, kelulusan pembangunan tanah adalah merujuk kepada pemakaian Pekeliling PTGS Bilangan 3/1994. Manakala bagi Tanah Rizab Melayu bukan pegangan Melayu, kelulusan pembangunan diproses seperti biasa mengikut Kanun Tanah Negara.

Batal ganti rizab Melayu

Kerajaan Negeri melalui Pengarah Tanah dan Galian Selangor juga telah mengeluarkan dua (2) pekeliling berhubung dasar dan garis panduan pembatalan dan penggantian Tanah Rizab Melayu iaitu Pekeliling PTGS Bilangan 7/2001 dan Pekeliling PTGS Bilangan 3/2015. Kedua-dua pekeliling ini telah menekankan mengenai proses pembatalan dan penggantian Tanah Rizab Melayu yang perlu dijalankan secara serentak. Ini termasuk urusan pembatalan Tanah Rizab Melayu yang dilaksanakan bagi penyediaan tapak untuk kemudahan awam.

Pembangunan Usahasama

Kerajaan Negeri juga ada menerima permohonan pembangunan secara usaha sama daripada syarikat bukan Melayu untuk memajukan tanah-tanah rezab Melayu. Perkara ini dibenarkan mengikut ERM 1933 selagi ianya tidak melibatkan pemilikan tanah rezab Melayu kepada bukan Melayu selaras dengan Seksyen 7 ERM 1933 yang menyatakan tiada tanah rezab Melayu yang boleh dijual, dipajak atau dilupuskan kepada orang bukan Melayu. Orang bukan Melayu juga tidak boleh bertindak di bawah surat kuasa wakil untuk menjalankan pindahmilik, gadaian atau pajakan bagi tanah pegangan Melayu. Pemakaian surat kuasa wakil bukan Melayu bagi tanah pegangan Melayu

adalah bagi tujuan permohonan tukar syarat nyata tanah, pecah sempadan, cantuman tanah adalah dibenarkan dengan syarat PA Khas untuk tujuan itu sahaja dan bukan PA Am yang membolehkan semua urusan tanah dibuat.

### Urusniaga

Adalah jelas melalui peruntukan Seksyen 7 ERM 1933 bahawa Tanah Rizab Melayu tidak boleh dijual, dipajak atau dilupuskan kepada bukan Melayu. Selain orang Melayu yang boleh memiliki tanah rizab Melayu, pertubuhan, perbadanan atau syarikat yang telah disenaraikan di dalam Jadual Ketiga dan disiarkan dalam Warta juga boleh memiliki tanah rizab Melayu. Instrument urusniaga yang melibatkan Tanah Rizab Melayu perlu ditandatangani dihadapan Pentadbir Tanah Daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PERUNTUKAN TABUNG PENYAYANG**

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan kembali Skim Peruntukan Tabung Penyayang di mana ianya sangat diperlukan dalam usaha kami membantu rakyat yang memerlukan khususnya Rang OKU dan warga emas di dalam Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Buat masa ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk meneruskan kembali Skim Peruntukan Tabung Penyayang yang mana ia diwujudkan secara *one-off* pada tahun 2018 untuk pelaksanaan program-program serta sumbangan kemasyarakatan secara tunai selaras dengan agenda Kerajaan Negeri yang peduli rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : KEBAJIKAN DAN INFRASTRUKTUR KAWASAN ORANG ASLI**

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kawasan kami mempunyai kampung Orang Asli di mana mereka sangat memerlukan kemudahan asas yang lebih baik serta naiktaraf perumahan mereka kepada yang lebih selesa. Jadi adakah Kerajaan dapat melihat dan memberi sedikit peruntukan melalui JAKOA atau DUN untuk menyelesaikan masalah tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri mengambil berat tentang perihal Orang Asli dan telah menyediakan peruntukan berjumlah RM100,000.00 di bawah Vot P01-04002 Pembangunan Orang Asli yang turut merangkumi skop kerja menaiktaraf kemudahan asas dan perumahan Orang Asli.

Selain itu, Ahli Dewan Negeri turut disediakan peruntukan Perkhidmatan Masyarakat dan terdapat skop projek-projek kecil di bawah peruntukan tersebut yang boleh digunapakai untuk pembangunan infrastruktur di perkampungan Orang Asli kawasan Dewan Negeri berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : KAWASAN BEKAS LOMBONG SESUAI DIJADIKAN SEBAGAI  
PRODUK PELANCONGAN**

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kawasan bekas lombong di Taman Widuri Bukit Beruntung dan juga di Desa Kiambang, Serendah berpotensi untuk dijadikan sebagai produk pelancongan daerah khususnya kepada aktiviti sukan air kerana ianya dapat menarik pengunjung tempatan sekaligus meningkatkan ekonomi setempat. Adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk melihat ini sebagai suatu bentuk usaha ke arah merakyatkan ekonomi rakyat selangor? Mohon diambil pandangan ini sebagai rujukan.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa komited di dalam usaha untuk memajukan potensi pelancongan yang terdapat di dalam Negeri Selangor termasuklah pembangunan dan program promosi pelancongan untuk kawasan pelancongan di Batang Kali. Pihak Kerajaan Negeri menyambut baik untuk melihat kawasan yang berpotensi tersebut sebagai suatu bentuk usaha ke arah merakyatkan ekonomi rakyat Selangor.

Walau bagaimanapun, beberapa perkara yang perlu dititikberatkan dalam membangunkan kawasan pelancongan khususnya yang melibatkan kawasan bekas lombong, antaranya seperti yang berikut:

- i) Untuk mengangkat sesebuah tempat menjadi tempat pelancongan perlu merujuk Undang-Undang Malaysia di bawah Akta 482, Akta Industri Pelancongan 1992 dan **mengenal pasti status tanah atau kawasan yang ingin dijadikan kawasan pelancongan.**
- ii) Pembangunan Pelancongan dari segi penyediaan kemudahan infrastruktur yang mesra alam atau berkonsep eko, kemudahan jalan serta akses, dan nilai komersial menggambarkan “*x-factor*” dan keunikan yang ada pada sesuatu tempat yang menjadi tarikan kepada orang ramai untuk datang ke tempat pelancongan tersebut.
- iii) Aktiviti promosi yang giat dijalankan oleh Tourism Selangor bersama-sama organisasi pelancongan yang lain bagi memasarkan produk



pelancongan yang mempunyai potensi diangkat menjadi tempat tarikan pelancong.

- iv) Dokumentasi dan Kajian (*Research*). Bagi mengangkat sesebuah tempat untuk mencapai nilai destinasi pelancongan, Kerajaan Negeri turut menjalankan beberapa kajian dan dokumentasi serta publisiti dan promosi yang berterusan melalui kerjasama bersama agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Tourism Selangor sendiri sebagai badan pelancongan negeri.
- v) Komuniti, organisasi atau kelab pelancongan tempatan daripada kawasan luar bandar tersebut perlu mewujudkan satu jawatankuasa dalam kalangan penduduk dan perniaga tempatan bagi menggerakkan aktiviti perniagaan pelancongan secara sihat. Contoh boleh dilihat kepada Persatuan Kemajuan Pelancongan Sekinchan yang bergiat aktif dan membawa model seperti '*Community Based Tourism*' dan '*Think Tourism*' yang sememangnya memberikan impak yang besar dalam memacu pembangunan pelancongan setempat di luar bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : PEKERJA ASING**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik jumlah pekerja asing di Selangor dari 2016-2018 mengikut negara.
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mengekang jumlah pekerja asing di Selangor?

**JAWAPAN:**

**JABATAN TENAGA KERJA NEGERI SELANGOR**

- a) Berikut merupakan statistik pekerja asing terkini di Negeri Selangor sehingga 31 Oktober 2018.

<b>Negeri</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
Selangor	486,525	101,802	588,327

Bersama-sama ini dilampirkan juga maklumat tambahan iaitu:

- i. Statistik pekerja asing aktif terkini mengikut negeri dan sektor sehingga 31 Oktober 2018
- ii. Statistik pekerja asing aktif terkini mengikut negeri dan sektor sehingga 31 Oktober 2018

**INVEST SELANGOR BERHAD**

- a) Statistik jumlah pekerja asing di Selangor dari 2016 – 2018 mengikut kategori sektor seperti berikut;-

<b>Sektor</b>	<b>Tahun</b>			<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>Peratus (%)</b>
	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>		
Perkilangan	210,916	211,063	228,597	650,576	37.75%
Pembinaan	133,230	125,716	157,176	416,122	24.14%
Perladangan	29,968	29,783	31,254	91,005	5.28%
Perkhidmatan	93,740	93,771	118,724	306,235	17.77%

Sektor	Tahun			Jumlah Keseluruhan	Peratus (%)
	2016	2017	2018		
Pertanian	37,371	33,749	29,598	100,718	5.84%
Pra	54,872	52,541	51,370	158,783	9.21%
Jumlah Keseluruhan	560,097	546,623	616,719	1,723,439	
Peratus (%)	32.50 %	31.72%	35.78%	100%	

\* Sumber : Jabatan Imigresen Negeri Selangor

- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, **Dasar Buruh Negara adalah di bawah tanggung jawab Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai dasar khusus berkenaan tenaga kerja warga asing di Selangor.** Dasar berkenaan warga kerja asing hanya ada diperingkat Kerajaan Persekutuan, dibawah Kementerian Dalam Negeri dan digunapakai di semua negeri di Malaysia. Proses kelulusan dan pengawalan kemasukan warga kerja asing hanya dilaksanakan oleh agensi-agensi Persekutuan di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Bagi mengawal kemasukan pekerja asing, Kerajaan menghadkan permohonan pengambilan pekerja-pekerja asing hanya dibenarkan mengikut sektor – sektor seperti berikut;-

- i. Perkilangan;
- ii. Pembinaan;
- iii. Pertanian;
- iv. Perladangan;
- v. Perlombongan dan pengkuarian;
- vi. Perkhidmatan;
  - i. Sub-sektor Restoren (Tukang Masak sahaja);
  - ii. Sub-sektor Pencucian dan pembersihan;
  - iii. Sub-sektor Pulau Peranginan;
  - iv. Sub-sektor Hotel;
  - v. Sub-sektor refleksologi
  - vi. Sub-sektor Kedi (lelaki)
  - vii. Sub-sektor Pengendalian Kargo (Pelabuhan & Lapangan Terbang).

Selain itu, bayaran levi turut dikenakan kepada majikan-majikan yang berhasrat untuk mengambil pekerja asing sebagai sumber tenaga kerja seperti berikut;-

Sektor	Kadar Bayaran
Perkilangan	RM1,850

Sektor	Kadar Bayaran
Pembinaan	RM1,850
Perladangan	RM640
Pertanian	RM640
Perlombongan & Pengkuarian	RM1,850
Perkhidmatan	RM1,850

Pekerja asing lelaki dan perempuan dari negara-negara sumber yang berikut dibenarkan bekerja dalam semua sektor iaitu Perkilangan, Perladangan, Pertanian, Perkhidmatan, Pembinaan dan Perlombongan & Pengkuarian

Sumber	Jantina		Sektor
	Lelaki	Perempuan	
Thailand			Semua Sektor: Perkilangan Pembinaan Pertanian Perladangan Perlombongan & Pengkuarian Perkhidmatan
Philippines		X	
Cambodia			
Myanmar			
Laos			
Vietnam			
Kazakhstan			
Nepal			
Pakistan			
Sri Lanka			
Turkmenistan			
Uzbekistan			
Bangladesh			
Indonesia			Pekerja lelaki dari negara Indonesia dibenarkan bekerja di dalam semua sektor kecuali sektor perkilangan.

Sumber	Jantina		Sektor
	Lelaki	Perempuan	
			Manakala pekerja wanita dari negara tersebut dibenarkan bekerja di dalam semua sektor.
India			Pekerja dari negara India hanya dibenarkan bekerja di dalam sektor perkhidmatan (Restoran Sahaja), sektor pembinaan ( <i>high tension cable</i> ), sektor pertanian dan sektor perladangan.

\* Sumber : Kementerian Dalam Negeri

## DASAR KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) DALAM PENGURUSAN PENGAMBILAN PEKERJA ASING

Mesyuarat JKK-PA Kali Ke-33 Bil. 2/2005 pada 5 Julai 2005 memutuskan supaya ditubuhkan Pusat Kelulusan Setempat (*One Stop Centre - OSC*) di KDN untuk memproses permohonan pengambilan pekerja asing daripada **negara sumber yang dibenarkan**. Agensi Kawal Selia bagi semua sektor telah ditempatkan secara sepenuh masa di OSC.

Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, Kementerian Dalam Negeri telah ditubuhkan dan berperanan sebagai Urus Setia kepada OSC.

Bagi memantau permohonan dan kelulusan pengambilan pekerja asing ini, Mesyuarat JKKPA-PATI Kali Ke-10 Bil. 1/2013 pada 1 Julai 2013, telah bersetuju supaya Penambahbaikan Peranan Pusat Kelulusan Setempat (OSC) dilaksanakan sebagaimana berikut : -

- Semua kelulusan pekerja asing **hanya dibuat di OSC, KDN sahaja**.
- Semua **Agensi Kawal Selia** akan menempatkan pegawai masing-masing sepenuh masa di OSC, KDN.
- Peranan OSC bagi mengendalikan permohonan pengambilan pekerja asing untuk **sektor-sektor yang dibenarkan sahaja** setelah majikan gagal mendapat pekerja tempatan.

KDN mempertimbangkan permohonan pengambilan pekerja asing berdasarkan permintaan industri dan kelayakan yang telah ditetapkan. Calon pekerja asing mestilah lulus semakan senarai hitam jabatan melalui **IMMIGRATION SECURITY CLEARANCE (ISC)** yang dilakukan di negara sumber. Jabatan Imigresen Malaysia memberikan kelulusan Visa

Dengan Rujukan (VDR) dan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) berdasarkan negara sumber dan kuota yang telah diluluskan

**\* Sumber : Jabatan Imigresen Negeri Selangor**

Selain itu, pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) turut mensyaratkan kepada syarikat-syarikat asing yang memperolehi kelulusan projek-projek perkilangan di bawah Syarat-Syarat Lesen Pengilang Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (Akta 156) untuk memberi keutamaan kepada pekerja tempatan seperti berikut:-

- i. Syarikat hendaklah melatih rakyat Malaysia supaya pemindahan teknologi dan kepakaran dapat disalurkan di semua peringkat jawatan;
- ii. Sekiranya pihak syarikat memerlukan gunatenaga tambahan, jumlah gunatenaga sepenuh masa tambahan syarikat hendaklah terdiri daripada sekurang – kurangnya 80% rakyat Malaysia. Penggajian rakyat asing termasuk pekerja yang diperolehi melalui penyumberan luar adalah tertakluk kepada dasar semasa;
- iii. Jumlah gunatenaga sepenuh masa syarikat hendaklah terdiri daripada sekurang kurangnya 80% rakyat Malaysia. Penggajian rakyat asing termasuk pekerja yang diperolehi melalui penyumberan luar adalah tertakluk kepada dasar semasa;

*\* Sumber : Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)*

Walaupun secara dasarnya Kerajaan mengawal kemasukan warga kerja asing ke Selangor, namun begitu khidmat tenaga kerja asing ini amat diperlukan oleh sektor perindustrian bagi menampung kekurangan tenaga kerja tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : GRADUAN UNISEL**

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik graduan UNISEL dari 2016-2018 mengikut kursus yang diambil.
- b) Apakah pembaharuan Kerajaan Negeri untuk membantu graduan dari UNISEL?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah graduan UNISEL dari tahun 2016-2018 mengikut kursus adalah seperti berikut:

BIL	PROGRAM	BILANGAN PELAJAR		
		2016	2017	2018
1	PENGAJIAN TAHUN ASAS (SAINS)	28	49	17
2	PROGRAM ASAS PENGURUSAN	56	54	136
3	PROGRAM ASAS SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA)	73	88	132
4	PROGRAM ASAS TEKNOLOGI MAKLUMAT	19	60	37
5	DIPLOMA AKUAKULTUR	11	9	7
6	DIPLOMA APLIKASI KOMPUTER DALAM PERNIAGAAN	1	1	2
7	DIPLOMA FISIOTERAPI	24	21	22
8	DIPLOMA INDUSTRI BIOTEKNOLOGI	9	8	7
9	DIPLOMA INDUSTRI MULTIMEDIA	14	8	14
10	DIPLOMA KEJURURAWATAN	15	7	29
11	DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM	0	2	8
12	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK	11	4	3
13	DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL	6	9	3
14	DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKATRONIK	0	3	1
15	DIPLOMA KESIHATAN PERSEKITARAN	26	10	16
16	DIPLOMA KOMUNIKASI DAN MEDIA	115	104	100
17	DIPLOMA PENDIDIKAN (PENGAJIAN ISLAM)	57	39	18
18	DIPLOMA PENDIDIKAN (PENGAJIAN PRASEKOLAH)	191	190	164
19	DIPLOMA PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA	77	92	58
20	DIPLOMA PENGIMEJAN PERUBATAN	8	25	22

BIL	PROGRAM	BILANGAN PELAJAR		
		2016	2017	2018
21	DIPLOMA PENGURUSAN INDUSTRI SUKAN	66	58	55
22	DIPLOMA PENGURUSAN PENTADBIRAN	95	86	93
23	DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN	157	134	171
24	DIPLOMA PERAKAUNAN	61	48	50
25	DIPLOMA SAINS KOMPUTER (PENGKOMPUTERAN INDUSTRI)	17	12	9
26	DIPLOMA SAINS KUANTITATIF	3	3	2
27	DIPLOMA SAINS PERPUSTAKAAN	8	6	9
28	DIPLOMA SENI REKA GRAFIK DIGITAL	52	28	82
29	DIPLOMA TEKNOLOGI FOTOGRAFI	22	14	29
30	DIPLOMA TEKNOLOGI INDUSTRI	40	23	22
31	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT	14	2	30
32	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (TEKNOLOGI MUDAHALIH)	4	2	4
33	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN	37	25	20
34	IJAZAH SARJANA KEJURUTERAAN (MELALUI PENYELIDIKAN)	0	0	0
35	IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN) SENI REKA GRAFIK DIGITAL	41	28	64
36	IJAZAH SARJANA MUDA BIOINFORMATIK (KEPUJIAN)	3	2	2
37	IJAZAH SARJANA MUDA INDUSTRI BIOTEKNOLOGI (KEPUJIAN)	47	11	34
38	IJAZAH SARJANA MUDA INDUSTRI MULTIMEDIA (KEPUJIAN)	13	10	25
39	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) AWAM	23	6	11
40	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) ELEKTRIK	10	9	10
41	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) ELEKTRONIK	8	3	NA
42	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) MEKANIKAL	48	17	18
43	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) MEKATRONIK	7	1	NA
44	IJAZAH SARJANA MUDA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KEPUJIAN)	1	2	8
45	IJAZAH SARJANA MUDA KOMUNIKASI (KEPUJIAN) (KEWARTAWANAN)	29	19	45
46	IJAZAH SARJANA MUDA KOMUNIKASI (KEPUJIAN) (KOMUNIKASI KORPORAT)	77	63	89
47	IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (KEPUJIAN)	134	120	78



BIL	PROGRAM	BILANGAN PELAJAR		
		2016	2017	2018
	PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA			
48	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN INDUSTRI (KEPUJIAN)	45	49	56
49	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN PERNIAGAAN (KEPUJIAN)	135	123	137
50	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (KEPUJIAN)	245	203	263
51	IJAZAH SARJANA MUDA PERAKAUNAN (KEPUJIAN)	86	95	121
52	IJAZAH SARJANA MUDA PSIKOLOGI INDUSTRI (KEPUJIAN)	52	41	35
53	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS (KEPUJIAN) MATEMATIK DENGAN STATISTIK	20	15	6
54	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS (KEPUJIAN) TEKNOLOGI INDUSTRI	0	10	13
55	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEJURUTERAAN PERISIAN) (KEPUJIAN)	30	16	11
56	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEPUJIAN)	32	4	10
57	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEPUJIAN) (KESELAMATAN RANGKAIAN DAN DIGITAL FORENSIK)	8	3	17
58	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKMAL PERUBATAN (KEPUJIAN)	4	66	66
59	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PERPUSTAKAAN (KEPUJIAN)	70	22	12
60	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PERSEKITARAN (KEPUJIAN) (KEPELBAGAIAN BIOLOGI DAN PEMULIHARAAN)	2	1	4
61	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS TEKNOLOGI MAKLUMAT DENGAN PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN (KEPUJIAN)	3	17	11
62	IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT (KEPUJIAN)	15	12	14
63	IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT (PENGURUSAN PENGETAHUAN) (KEPUJIAN)	6	3	5
64	IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN SUKAN)	5	0	0
65	IJAZAH SARJANA SAINS (PENGKOMPUTERAN)	1	0	0
66	IJAZAH SARJANA SAINS KOMPUTER (KEJURUTERAAN PERISIAN)	1	0	1
67	IJAZAH SARJANA TEKNOLOGI MAKLUMAT	2	5	4
68	SARJANA MUDA KEWANGAN (KEPUJIAN)	53	71	123

BIL	PROGRAM	BILANGAN PELAJAR		
		2016	2017	2018
69	SARJANA MUDA PEMASARAN (KEPUJIAN)	16	19	20
70	SARJANA MUDA PENDIDIKAN (KEPUJIAN) (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)	315	204	218
71	SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN DISIPLIN)	2	4	2
72	SARJANA PENGURUSAN (MELALUI PENYELIDIKAN)	0	1	1
73	SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN	23	8	14
74	SARJANA SAINS (BIOTEKNOLOGI)	1	0	1
75	DOKTOR FALSAFAH KEJURUTERAAN (MELALUI PENYELIDIKAN)	0	1	0
76	DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN	0	1	0
77	DOKTOR FALSAFAH PENGURUSAN	3	6	3
78	DOKTOR FALSAFAH SAINS SOSIAL	1	1	0
79	DOKTOR PENDIDIKAN	12	13	10
	<b>JUMLAH</b>	<b>2946</b>	<b>2529</b>	<b>2934</b>

b) Pembaharuan Kerajaan Negeri untuk membantu graduan dari UNISEL adalah seperti berikut :

1. Menyediakan platform bagi graduan UNISEL untuk mendapat pekerjaan di anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor;
2. Anak-anak syarikat Kerajaan Negeri boleh menyediakan satu skim khas untuk graduan UNISEL menjalani latihan sementara mendapat pekerjaan tetap samada di sektor kerajaan atau sektor swasta;
3. Bahagian Sumber Manusia Kerajaan Negeri Selangor boleh menganjurkan Karnival Pekerjaan di UNISEL Shah Alam bagi memberi peluang graduan UNISEL mendapat pekerjaan.
4. Melalui *Menteri Besar Incorporated (MBI)*, **Karnival Jelajah 360 Smart Selangor** yang dikuasakan oleh UNISEL secara langsung dapat mempromosi dan memperkenalkan kursus-kursus yang ada serta para majikan di Selangor dapat membuat pelawaan pekerjaan kepada graduan melalui fakulti-fakulti yang ada.
5. Kerajaan Negeri menyediakan *graduate internship scheme* bagi graduan UNISEL untuk *enhance employability and skills*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : PRESTASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan lima PBT terbaik di Selangor dari 2016-2018.
- b) Apakah kriteria pemilihan PBT terbaik ?

**JAWAPAN:**

- a) Setiap 2 tahun sekali, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan melaksanakan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) yang dahulunya dikenali sebagai Sistem *Star Rating* PBT ke atas prestasi penyampaian perkhidmatan 101 PBT di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan. Berdasarkan penilaian tersebut, semua PBT Negeri Selangor telah memperoleh penarafan 5 bintang untuk tahun 2018. Berikut adalah 5 PBT terbaik mengikut turutan untuk tahun 2016 dan 2018 di bawah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan:

Tahun	PBT	(%)
2016	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	95.69
	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPj)	95.43
	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	94.91
	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	94.75
	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	94
2018	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPj)	97.6
	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	97.5
	Majlis Bandaraya Ampang Jaya (MPAJ)	96.85
	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	96.74
	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	96.29

- b) Kriteria dan Sub-kriteria pemilihan PBT melalui Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan KPKT adalah seperti berikut:-

KRITERIA		SUBKRITERIA	
1	Pengurusan	1.1	Pengurusan Organisasi
		1.2	Pengurusan Kewangan & Aset
		1.3	Pengurusan Sumber Manusia

<b>KRITERIA</b>		<b>SUBKRITERIA</b>	
2	Perkhidmatan Teras	2.1	Pelaksanaan Dasar Pelesenan & Kawalan Perniagaan
		2.2	Kawalan Pemajuan
		2.3	Kawalan Bangunan
		2.4	Pengurusan Penilaian dan Harta
		2.5	Pengurusan Lalu Lintas & Tempat Letak Kereta
		2.6	Perancangan dan Pengurusan Landskap
		2.7	Perancangan, Pelaksanaan dan Pemantauan Projek
		2.8	Undang-Undang dan Penguatkuasaan
		2.9	Aktiviti Kawalan Persekitaran
		2.10	Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
3	Pengurusan Pelanggan	3.1	Perkhidmatan-Perkhidmatan Barisan Hadapan
		3.2	Pengurusan Aduan
4	Penyertaan Komuniti & Pandangan Penduduk	4.1	Penglibatan Komuniti
		4.2	Pandangan Penduduk

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : BANTUAN SUBSIDI KEPADA PESAWAH PADI**

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jenis-jenis bantuan subsidi kepada pesawah-pesawah padi yang masih dikekalkan kepada penanam padi?
- b) Berapakah jumlah bantuan bagi setiap jenis subsidi yang diberikan kepada penanam padi berkenaan?

**JAWAPAN:**

- a) Jenis-jenis subsidi yang masih dikekalkan kepada penanam padi adalah seperti berikut:
  - i. Insentif pembajakan sebanyak RM100/ha
  - ii. Baja urea 46%
  - iii. Baja NPK sebatian 17.5:15.5:10
  - iv. Bantuan Kawalan perosak RM250/ha
- b) Jumlah bantuan bagi setiap jenis subsidi yang diberikan adalah seperti berikut:
  - i. Baja urea 80 kg/ha (4 beg/ha)
  - ii. Baja NPK sebatian 240 kg/ha (12 beg/ha)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PEMBINAAN HOSPITAL TANJONG KARANG**

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kos pelaksanaan projek hospital Tanjung Karang dan bilakah ia dijangka siap sepenuhnya?

**JAWAPAN:**

- a) Kos Pelaksanaan Projek Hospital Tanjung Karang iaitu Kos Projek Semasa ialah RM266,325,000.00 dan tarikh Siap Asal ialah 24 November 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PEMBINAAN HOSPITAL GIGI DI SUNGAI TERAP, DAERAH KUALA  
SELANGOR**

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pembinaan projek hospital gigi di Sungai Terap, Daerah Kuala Selangor akan diteruskan?
- b) Jika ya, berapakah jumlah kos projek tersebut dan bilakah ia dijangka dapat disiapkan sepenuhnya?

**JAWAPAN:**

- a) Projek di Sungai Terap tersebut merupakan pembinaan sebuah **Klinik Pergigian Tanjung Karang** yang terletak bersebelahan dengan tapak pembinaan Projek Hospital Tanjung Karang. Projek ini akan diteruskan dan kini telah selesai fasa 1 iaitu kerja-kerja tanah. Seterusnya adalah fasa 2 iaitu dalam proses semakan rekabentuk dan senarai kuantiti bagi projek ini sebelum penyediaan dokumen tender.
- b) Jumlah kos projek adalah bergantung kepada semakan rekabentuk dan senarai kuantiti bagi projek berkenaan. Jangkaan tempoh pembinaan ialah 24-36 bulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PERBELANJAAN PENGGANTIAN PAIP-PAIP AIR DI NEGERI  
SELANGOR**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jumlah perbelanjaan yang disediakan untuk penggantian paip-paip air mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan PBT di Negeri Selangor dalam tahun 2019.

**JAWAPAN:**

- a) Sebanyak RM159 juta telah diperuntukkan untuk program pengantian paip bagi tahun 2019 merangkumi 148 lokasi Hotspots. Senarai berdasarkan kawasan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti jadual dibawah.

<b>No.</b>	<b>Wilayah</b>	<b>Kawasan <i>Hotspot</i></b>	<b>Nama Jalan</b>	<b>PBT (Melalui kajian awalan)</b>
1	Hulu Selangor	New Green Park	Jalan NGP 1	MPS
2	Klang/ Shah Alam	Kampung Tok Muda	Jalan Benteng Kanan	MPK
3	Hulu Selangor	Kampung Bilal	Jalan Utama Kampung Bilal	MDHS
4	Kuala Lumpur	Taman Nirwana	Jalan Nirwana 9	MPAJ
5	Hulu Selangor	New Green Park	Jalan NGP 1/4	MPS
6	Klang/ Shah Alam	Sek 11 Shah Alam	Jalan Semerit 11/10	MBSA
7	Gombak	Kampung Ampang Campuran	Lorong Ikan Emas 13	MPAJ
8	Gombak	Taman Sri Melati	Jalan Melati 5	MPS
9	Hulu Selangor	Kampung Gumut Tambahan	Jalan Kubur Lama	MDHS
10	Hulu Langat	Taman Tan Sri Manickavasagam	Jalan 4	MPKJ
11	Hulu Langat	Taman Sri Nanding	Psn Intan	MPKJ
12	Hulu Selangor	Taman Sri Hijau	Jalan Sri Hijau 3	MPS
13	Hulu Selangor	Ampang Pecah	Jalan Masjid	MDHS
14	Hulu Selangor	Taman Bukit Bunga	Jalan Bunga Raya	MDHS
15	Petaling	SS 13	Jalan SS 13/4	MPSJ
16	Gombak	Taman Sri Melati	Jalan Melati 1	MPS



<b>No.</b>	<b>Wilayah</b>	<b>Kawasan <i>Hotspot</i></b>	<b>Nama Jalan</b>	<b>PBT (Melalui kajian awalan)</b>
17	Hulu Selangor	Bandar Sungai Buaya	Jalan Cemperaisari 1E	MDHS
18	Hulu Selangor	Taman Bukit Bunga	Jalan Bunga Ros	MDHS
19	Hulu Selangor	Taman Sri Rawang	Jalan Sri Rawang 1	MPS
20	Kuala Langat	Taman Delima	Jalan Delima 3	MDKL
21	Gombak	Kampung Ampang Campuran	Lorong Ikan Emas 12	MPAJ
22	Gombak	Taman Sri Melati	Jalan Melati 7	MPS
23	Kuala Langat	Kampung Sungai Manggis	Jalan Duku	JKR KLT
24	Hulu Langat	Pekan Kajang	Jalan Low To Kok	MPKJ
25	Petaling	Taman Kanagapuram	Jalan 18/14	MBPJ
26	Hulu Selangor	Kampung Ulu Kalong	Jalan Kampung Ulu Kalong	MDHS
27	Gombak	Kepong Baru	Jalan Helang Laut (Jalan 70)	DBKL
28	Klang/ Shah Alam	Kampung Rantau Panjang	Lorong Musran	MPK
29	Gombak	Kepong Baru	Jalan Lang Perut Putih	DBKL
30	Kuala Langat	Kampung Kanchong Darat	Jalan Bambu	JKR KLT
31	Gombak	Kampung Ampang Indah/Kampung Indah Permai	Jalan Indah 7	MPAJ
32	Klang/ Shah Alam	Kampung Batu Belah	Jalan Bahagia	MPK & JKR KLANG
33	Sepang	Desa Putra	Jalan Besar / Jalan Mat Din	JKR & MPSP
34	Hulu Selangor	Kampung Org Asli Ulu Tamu	Jalan Hulu Tamu	MDHS
35	Kuala Lumpur	Kampung Attap	Jalan Belfield	DBKL
36	Hulu Langat	Jalan Hulu Langat (Batu 16)	Jalan Hulu Langat (Batu 16) - 250mm (Kiri)	JKR Hulu Langat
37	Hulu Langat	Jalan Hulu Langat (Batu 16)	Jalan Hulu Langat (Batu 16) - 250mm (Kanan)	JKR Hulu Langat
38	Kuala Langat	Kampung Teluk Mengkuang	Jalan Teluk Mengkuang	JKR & MDKL
39	Petaling	Seksyen 14 Petaling	Jalan 14/29	MBPJ
40	Petaling	Jalan Utara, Petaling	Jalan Utara	MBPJ
41	Klang/ Shah Alam	Pandamaran	Jalan Jati	MPK
42	Kuala Langat	Kampung Sungai Nangka	Jalan Sungai Nangka	JKR KLT

<b>No.</b>	<b>Wilayah</b>	<b>Kawasan <i>Hotspot</i></b>	<b>Nama Jalan</b>	<b>PBT (Melalui kajian awalan)</b>
43	Petaling	SS 12	Jalan SS 12/1A	MPSJ
44	Petaling	SS 4C	Jalan SS 4C/7	MBPJ
45	Petaling	Taman Angkasa	Jalan 6/153A	DBKL
46	Gombak	Taman Sri Segambut	Jalan Udang Galah 3	DBKL
47	Kuala Lumpur	Taman Maluri	Jalan Jejaka 9	DBKL
48	Hulu Selangor	Taman Sri Hijau	Jalan Sri Hijau 4	MPS
49	Kuala Lumpur	Taman Tunku	Jalan Lembah Tunku	DBKL
50	Selangor	Kampung Sungai Merab Luar	Jalan Bukit 1	MPSpg
51	Hulu Langat	Taman Sungai Jelok	Jalan 1	MPKJ
52	Petaling	Kampung Malaysia Tambahan	Jalan 1/141	DBKL
53	Kuala Lumpur	Kampung Attap	Jalan Choo Cheng Kay	DBKL
54	Kuala Langat	Taman Halijahton	Jalan Amal	MDKL
55	Hulu Langat	Kampung Sireh	Jalan Sireh 5	MPKJ
56	Petaling	Taman Serdang Utama	Jalan 14/3E	MPSJ
57	Hulu Selangor	Loji Kalumpang	Jalan Ke Loji Kalumpang	MDHS
58	Petaling	SS 12	Jalan SS 12/1	MPSJ
59	Kuala Lumpur	Taman Putra	Jalan 8	MPAJ
60	Gombak	Taman Selayang Satu PKNS	Jalan 1	MPS
61	Kuala Lumpur	Taman Kaya	Jalan St Thomas	DBKL
62	Kuala Lumpur	Off Jalan Ampang	Jalan Nipah (Off Jalan Ampang)	DBKL
63	Hulu Selangor	New Green Park	Jalan Waterfall	MPS
64	Kuala Lumpur	Taman Mutiara	Jalan Tiram	DBKL
65	Hulu Selangor	Pekan KKB	Jalan Kolam Air	MDHS
66	Hulu Selangor	Kampung Gumut Tambahan	Lorong 4	MDHS
67	Hulu Langat	Kampung Sungai Michu	Jalan Sungai Michu	MPKJ
68	Hulu Langat	Kampung Melaka	Jalan Dato Alias	MPKJ
69	Petaling	Seksyen 13 Petaling	Jalan 13/6	MBPJ
70	Klang/ Shah Alam	Kampung Budiman	Jalan Hamzah	JKR
71	Hulu Langat	Taman Damai Jaya	Jalan Damai 9	MPKJ
72	Klang/ Shah Alam	Kampung Bukit Lanchong	Lorong Ikan Kelisa 8	JKR

<b>No.</b>	<b>Wilayah</b>	<b>Kawasan <i>Hotspot</i></b>	<b>Nama Jalan</b>	<b>PBT (Melalui kajian awalan)</b>
73	Hulu Selangor	New Green Park	Jalan NGP 1/1	MPS
74	Gombak	Kampung Selayang Permai	Jalan Permai 8	MPS
75	Kuala Lumpur	Bandar Damai Perdana	Jalan Damai Perdana 10/3F	MPKJ
76	Kuala Lumpur	Bandar Damai Perdana	Jalan Damai Perdana 2/5	MPKJ
77	Hulu Selangor	Felda Sungai Tengi Selatan	Jalan Sukun (Jalan Masjid)	MDHS/JKR
78	Klang/ Shah Alam	Kampung Rantau Panjang	Jalan Palembang	JKR
79	Hulu Langat	Taman Dusun Jaya	Jalan 1/1	MPKJ
80	Gombak	Taman Selayang Jaya	Jalan SJ 24	MPS
81	Hulu Langat	Kampung Pasir Baru	Jalan Sungai Lalang	MPKJ
82	Petaling	Kampung Ldg Baru Sungai Plong	Jalan Bayam	MPS
83	Gombak	Taman Bukit Ampang	Jalan Mutiara	MPAJ
84	Hulu Selangor	Kuarters JKR KKB	Jalan Pahang (Kuarters JKR KKB)	MDHS/JKR
85	Kuala Lumpur	Bangsar Baru	Persiaran Ara	DBKL
86	Hulu Selangor	Bandar Sungai Buaya	Jalan Kasturi Sari 2A	MDHS
87	Petaling	SS 1 Kampung Tunku	Jalan SS 1/32	MBPJ
88	Petaling	Bukit Jalil	Jalan 5/155A	DBKL
89	Kuala Lumpur	Taman Duta	Jalan Ledang	DBKL
90	Gombak	Jinjang Utara	Jalan Nanyang Estate	DBKL
91	Kuala Lumpur	Taman Midah	Jalan Midah Barat	DBKL
92	Petaling	Kampung Baru Salak Selatan	Jalan 35	DBKL
93	Hulu Selangor	Rumah Murah Padang Golf KKB	Jalan Padang Golf	MDHS
94	Petaling	SS 1 Kampung Tunku	Jalan SS 1/38	MBPJ
95	Hulu Selangor	Taman Genting Permai	Jalan Genting Permai Utama	MDHS/JKR
96	Sepang	Kampung Giching Hilir	Jalan Hj Borhan	JKR/MPSepang
97	Hulu Selangor	Kampung Gumut Tambahan	Jalan Kampung Gumut Tambahan	MDHS
98	Hulu Selangor	Batu Arang	Jalan Tenaga	MPS
99	Klang/ Shah Alam	Kampung Bukit Kapar	Jalan Hj Alias	JKR
100	Gombak	Taman Ukay Heights	Jalan Teberau 1	MPAJ

<b>No.</b>	<b>Wilayah</b>	<b>Kawasan Hotspot</b>	<b>Nama Jalan</b>	<b>PBT (Melalui kajian awalan)</b>
101	Klang/ Shah Alam	Kampung Batu Belah	Jalan Labis 65	JKR
102	Petaling	SS 6	Jalan SS 6/1	MBPJ
103	Klang/ Shah Alam	Kawasan 13	Jalan Pekeliling	MPK
104	Sepang	Kampung Sungai Merab Luar	Jalan Surau Ummumiyah	JKR/MPSepang
105	Sepang	Kampung Bukit Unggul	Lorong Sentosa	JKR/MPSepang
106	Hulu Langat	Taman Kota Cheras	Jalan TKC 1/6	MPKJ
107	Kuala Lumpur	Bukit Persekutuan	Lingkungan Negeri Sembilan	DBKL
108	Kuala Lumpur	Taman Ikan Emas	Jalan Ikan Emas	DBKL
109	Kuala Selangor	Kampung Sungai Sireh	Lorong 12	JKR
110	Petaling	Taman Desa	Jalan Desa Utama	DBKL
111	Kuala Selangor	Kampung Sungai Sireh	Lorong 11	JKR
112	Klang/ Shah Alam	Persiaran Dato Menteri	Persiaran Dato Menteri	MBSA
113	Gombak	Kampung Klang Gate	Jalan Rusa	MPAJ
114	Hulu Langat	Kampung Sungai Kantan	Jalan Ghazali	MPKJ
115	Gombak	Kampung Pasir	Jalan Hj Moktar	MPAJ
116	Klang/ Shah Alam	Kampung Sungai Kembong	Jalan Sidang Adnan	JKR
117	Hulu Langat	Kampung Sungai Kantan	Jalan Melati 2	MPKJ
118	Hulu Langat	Kampung Sungai Jai	Jalan Hj Mohd Nor	MPKJ
119	Hulu Langat	Kampung Sesapan Batu Minangkabau	Jalan Sesapan Minangkabau	MPKJ
120	Kuala Langat	Kampung Sijangkang (Batu 8)	Jalan Samy	JKR
121	Sepang	Kampung Salak Tengah	Jalan Kampung Salak Tengah	JKR/MPSepang
122	Kuala Langat	Kampung Pulau	Jalan Kampung Pulau	JKR
123	Kuala Selangor	Kampung Bukit Badong	Jalan Hj Abd Manan	JKR
124	Klang/ Shah Alam	Kampung Sungai Pinang (Kapar)	Jalan Goh Hock Huat	JKR
125	Hulu Langat	Kampung Sesapan Batu Rembau	Jalan Sesapan Batu Rembau	MPKJ
126	Hulu Langat	Taman Megah, Cheras	Jalan Megah	MPKJ

<b>No.</b>	<b>Wilayah</b>	<b>Kawasan <i>Hotspot</i></b>	<b>Nama Jalan</b>	<b>PBT (Melalui kajian awalan)</b>
127	Hulu Langat	Kampung Sesapan Kelubi	Jalan Sesapan Kelubi	MPKJ
128	Kuala Lumpur	Bukit Damansara	Jalan Setia Bestari	DBKL
129	Gombak	Kepong Baru	Jalan Helang Jambu (Jalan 68)	DBKL
130	Hulu Langat	Seksyen 13 Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi	Jalan P/1	MPKJ
131	Klang/ Shah Alam	Kampung Bukit Kapar	Jalan Sebaya	JKR
132	Kuala Selangor	Kampung Sungai Yu	Jalan Ara Ban 1	JKR
133	Sepang	Kampung Jenderam Hulu	Jalan Dato Dagang Mondok	JKR/MPSepang
134	Hulu Langat	Kampung Rinching Hulu	Jalan Kampung Rinching Hulu	MPKJ
135	Hulu Selangor	Felda Sungai Tengi	Jalan Putri	MDHS/JKR
136	Kuala Selangor	Kampung Api-Api	Psn Permatang Tengah	JKR
137	Klang/ Shah Alam	Pandamaran	Jalan Raja Lumu	JKR
138	Klang/ Shah Alam	Kampung Johan Setia	Jalan Johan Setia	JKR
139	Klang/ Shah Alam	Kampung Sungai Pinang (Pulau Indah)	Jalan Sidang Mohd Sidin	JKR
140	Petaling	Seksyen U9 Shah Alam	Jalan Merah Kesumba U9/18	MBSA
141	Kuala Langat	Kampung Teluk Bunut	Jalan Telok Bunut	JKR
142	Klang/ Shah Alam	Persiaran Kayangan	Persiaran Kayangan	MBSA
143	Klang/ Shah Alam	Persiaran Raja Muda	Persiaran Raja Muda	MBSA
144	Klang/ Shah Alam	Persiaran Pegawai	Persiaran Pegawai	MBSA
145	Klang/ Shah Alam	Persiaran Masjid	Persiaran Masjid	MBSA
146	Petaling	Seksyen 1, Petaling Jaya	Seksyen 1, Petaling Jaya	MBPJ
147	Petaling	Seksyen 2, Petaling Jaya	Seksyen 2, Petaling Jaya	MBPJ
148	Gombak	Kepong Baru	Jalan Lang Hitam	DBKL

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PEJABAT MENTERI BESAR**

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan struktur, penjawatan dan namanya serta skop kerja dan fungsi dalam Pejabat Menteri Besar yang terkini.
- b) Berapakah jumlah gaji, elaun serta kemudahan yang diperolehi oleh setiap penjawat tersebut?

**JAWAPAN:**